



**KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA  
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 2/2024**

**Pertumbuhan Kukuh dalam Sektor Perkhidmatan Malaysia di Tengah-tengah  
Ketidaktentuan Ekonomi**

**PUTRAJAYA, 29 Februari 2024** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 2/2024**. Edisi ini memfokuskan statistik terkini yang diterbitkan bagi bulan Disember 2023 dan suku tahun keempat 2023 serta beberapa statistik akan datang bagi bulan Januari 2024. Selain itu, edisi ini juga dilengkapi dengan artikel bertajuk “Dinamik Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) Bagi Malaysia” yang meneroka dinamik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) yang memaparkan evolusi sejarahnya, status terkini juga membincangkan cabaran, peluang dan kesan terhadap ekonomi Malaysia.

Melihat keadaan semasa ekonomi global, Kemaskini Tinjauan Ekonomi Dunia bagi Januari 2024, Tabung Kewangan Antarabangsa menjangkakan kadar pertumbuhan global sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2024, dengan peningkatan marginal 3.2 peratus pada tahun 2025. Ekonomi maju dijangka berkembang sederhana daripada 1.6 peratus pada tahun 2023 kepada 1.5 peratus pada tahun 2024, diikuti 1.8 peratus pada tahun 2025. Sementara itu, pasaran baharu dan ekonomi membangun diunjurkan berkembang 4.1 peratus pada tahun 2024 dan terus meningkat kepada 4.2 peratus pada tahun 2025.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pada akhir suku tahun 2023, ekonomi Malaysia berkembang 3.0 peratus, menunjukkan kadar yang lebih perlahan berbanding pertumbuhan 3.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagaimanapun, KDNK pelarasan musim menunjukkan penguncutan 2.1 peratus, berbanding 2.6 peratus pada suku tahun ketiga 2023. Prestasi ekonomi bulanan menunjukkan pertumbuhan 3.9 peratus pada Oktober 2023 dan 3.8 peratus pada November, sebelum tumbuh lebih perlahan 1.4 peratus pada Disember 2023. Sepanjang tempoh tersebut, sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada prestasi penawaran, dengan semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif, kecuali sektor Pembuatan.”

Beralih kepada prestasi imbalan pembayaran, Imbalan Akaun Semasa Malaysia pada suku tahun keempat 2023 berjumlah RM253.4 juta, penyusutan yang signifikan daripada RM27.5 bilion pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Lebihan yang lebih rendah ini terutamanya disebabkan oleh defisit yang lebih tinggi dalam akaun Pendapatan primer. Tambahan pula, Pelaburan Langsung Asing (FDI) menunjukkan aliran masuk bersih yang lebih rendah, berjumlah RM17.1 bilion pada suku tahun keempat 2023 berbanding RM19.2 bilion pada tahun sebelumnya. Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah RM12.4 bilion pada ST4 2023, menurun daripada RM28.5 bilion pada ST4 2022.

Merujuk kepada sektor luar, perdagangan barang Malaysia mengekalkan arah aliran negatif pada suku tahun keempat 2023, menguncup 3.2 peratus kepada RM695.6 bilion berbanding RM718.3 bilion pada ST4 2022. Eksport menyusut 6.9 peratus, berjumlah RM366.3 bilion, namun diimbangi dengan peningkatan 1.3 peratus dalam import yang berjumlah RM329.3 bilion. Ini menyebabkan lebihan dagangan mengecil kepada RM36.9 bilion, menunjukkan penyusutan 45.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Walau bagaimanapun, pada Januari 2024, jumlah dagangan merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu 13.3 peratus, meningkat daripada RM207.2 bilion pada Januari 2023 kepada RM234.7 bilion. Eksport menokok 8.7 peratus kepada RM122.4 bilion, manakala import meningkat lebih pantas 18.8 peratus kepada RM112.3 bilion, menyebabkan penguncupan yang signifikan dalam lebihan dagangan sebanyak 44.2 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM10.1 bilion.

Dari segi prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia pada Disember 2023, IPP mengalami penurunan marginal tahun ke tahun sebanyak 0.1 peratus, selepas mencatatkan pertumbuhan positif 0.6 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan itu terutamanya disebabkan oleh penguncupan dalam sektor Pembuatan, yang menunjukkan penurunan 1.4 peratus berbanding negatif 0.1 peratus pada November 2023. Bagaimanapun, pada suku tahun keempat 2023, IPP menunjukkan peningkatan tahun ke tahun 1.0 peratus, berbanding negatif 0.05 peratus yang direkodkan pada suku tahun ketiga 2023. Dari segi nilai jualan, sektor Pembuatan menunjukkan penyusutan tahun ke tahun dalam nilai jualan pada Disember 2023 menurun 4.2 peratus kepada RM149.9 bilion, berbanding penurunan 2.6 peratus pada bulan sebelumnya. Kejatuhan ini dipengaruhi terutamanya oleh kemerosotan berterusan dalam subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik yang merekodkan negatif 13.6 peratus pada Disember 2023 (November 2023: -10.8%). Sepanjang suku tahun keempat 2023, jumlah nilai jualan menyusut secara konsisten selama tiga suku tahun berturut-turut, menurun 2.7 peratus tahun ke tahun untuk mencapai RM461.5 bilion (ST3 2023: -2.9%).

Meneliti sektor Perkhidmatan Malaysia, hasil menunjukkan pertumbuhan ketara pada suku keempat 2023 apabila melonjak kepada RM591.4 bilion kesan daripada peningkatan 6.6 peratus tahun ke tahun. Tambahan pula, Indeks Volum Perkhidmatan menunjukkan peningkatan, bertambah sebanyak 4.1 peratus kepada 148.5 mata. Trend

aliran positif ini sebahagian besarnya didorong oleh prestasi kukuh hasil mengikut segmen seperti Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan, yang secara kolektif meningkat sebanyak 5.9 peratus, berjumlah RM450.9 bilion. Sementara itu, Indeks Volum bagi segmen ini mencatatkan peningkatan 4.2 peratus, mencapai 150.2 mata.

Melihat kepada harga, kadar inflasi Malaysia kekal stabil pada 1.5 peratus pada Disember 2023, dengan indeks mencecah 131.2 mata berbanding 129.2 pada tahun sebelumnya. Kestabilan ini dipengaruhi terutamanya oleh peningkatan sederhana dalam Restoran & Hotel yang meningkat 3.7 peratus pada Disember 2023 berbanding 4.3 peratus pada November 2023. Inflasi pada suku tahun keempat 2023 mereda kepada 1.6 peratus daripada 3.9 peratus pada tempoh yang sama tahun 2022. Pada Januari 2024, kadar inflasi kekal tidak berubah pada 1.5 peratus, dengan indeks dicatatkan pada 131.4 berbanding 129.5 pada tahun sebelumnya. Indeks Harga Pengeluar (IHPR) tahunan mengekalkan arah aliran menurun, berada pada negatif 1.3 peratus pada Disember 2023, meningkat sedikit daripada negatif 1.5 peratus pada November 2023. Penyusutan ini dipengaruhi terutamanya oleh kemerosotan dalam sektor Perlombongan, yang menguncup sebanyak 3.4 peratus (November 2023: -4.7%), serta penurunan tambahan yang dilihat dalam sektor Pembuatan dan Bekalan elektrik & gas. Selain itu, IHPR terus menunjukkan aliran menurun pada Januari 2024, dengan mencatatkan negatif 0.6 peratus.

Landskap buruh Malaysia menunjukkan kadar pengangguran mencatatkan 3.3 peratus pada suku tahun keempat 2023 iaitu lebih rendah sebanyak 0.3 mata peratusan berbanding tempoh yang sama tahun lalu (ST4 2022: 3.6%). Bilangan penganggur menurun 5.9 peratus pada suku tahun tersebut. Penurunan ini didorong oleh pertumbuhan guna tenaga yang mampan, yang mana meningkat 2.5 peratus tahun ke tahun, manakala tenaga buruh meningkat 2.2 peratus tahun ke tahun, mencapai 16.91 juta orang, mengekalkan kadar penyertaan tenaga buruh yang kukuh sebanyak 70.1 peratus.

Merumuskan kenyataannya, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata "Indeks Pelopor menunjukkan pemulihan yang positif, tumbuh 0.3 peratus untuk mencapai 110.1 mata pada Disember 2023, berbanding 109.8 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Pemulihan ketara ini merupakan pertumbuhan positif yang pertama selepas penurunan sembilan bulan berturut-turut, didorong oleh lonjakan yang signifikan sebanyak 41.5 peratus dalam Bilangan Unit Kediaman Yang Diluluskan Pembinaan. Walaupun masih di bawah trend 100.0 mata, kadar pertumbuhan terlicin Indeks Pelopor bagi Disember 2023 menunjukkan jangkaan prestasi ekonomi yang lebih baik pada masa hadapan, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan pasaran buruh yang stabil."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
29 FEBRUARI 2024**

**Jadual 1: Kadar Pertumbuhan KDNK bagi Negara Terpilih, Tahun ke Tahun (%), 2022 – 2023**

Negara	2021	2022	2022	2023			
			ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
<b>Malaysia</b>	<b>8.7</b>	<b>3.7</b>	<b>7.1</b>	<b>5.6</b>	<b>2.9</b>	<b>3.3</b>	<b>3.0</b>
Spain	5.8	2.5	3.8	4.1	2.0	1.9	2.0
United Kingdom	4.3	0.1	0.6	0.3	0.3	0.2	-0.2
United States of America	1.9	2.5	0.7	1.7	2.4	2.9	3.1
Japan	1.0	1.9	0.5	2.6	2.3	1.7	1.0
South Korea	2.6	1.4	1.4	0.9	0.9	1.4	2.2
Hong Kong	-3.5	3.2	-4.1	2.9	1.5	4.1	4.3
Taiwan	2.6	1.4	-0.7	-3.5	1.4	2.3	5.1
Singapore	3.8	1.1	2.4	0.5	0.5	1.0	2.2
China	3.0	5.2	2.9	4.5	6.3	4.9	5.2
Thailand	2.5	1.9	1.4	2.6	1.8	1.4	1.7
Philippines	7.6	5.6	7.1	6.4	4.3	6.0	5.6
Indonesia	5.3	5.1	5.0	5.0	5.2	4.9	5.0
Vietnam	8.0	5.1	5.9	3.4	4.3	5.5	6.7

**Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Disember 2023**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Paparan 1: Indikator Ekonomi Suku Tahunan


### Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

**3.0%**  
ST4 2023




### Kadar Pengangguran

**3.3%**  
ST4 2023



### Pengeluaran Buah Tandan Segar

**1.7%**  
ST4 2023



### Pengeluaran Getah Asli

**3.9%**  
ST4 2023



### Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

**1.0%**  
ST4 2023



### Nilai Jualan Sektor Pembuatan

**-2.7%**  
ST4 2023




#### Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadarahan bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun


## Indeks Volum Perkhidmatan

**4.1%**  
ST4 2023




## Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

**4.2%**  
ST4 2023




## Eksport

**-6.9%**  
ST4 2023




## Import

**1.3%**  
ST4 2023




## Indeks Harga Pengguna (IHP)

**1.6%**  
ST4 2023



## Indeks Harga Pengeluar Pengeluaran Tempatan

**-1.0%**  
ST4 2023





**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT  
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 2/2024**

***Robust Growth in Malaysia's Services Sector Amidst Economic Uncertainty***

**PUTRAJAYA, 29th February 2024** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 2/2024**. This edition focuses on the recent statistics released in December 2023 and the fourth quarter of 2023 with some forthcoming statistics for January 2024. Moreover, this edition includes a boxed article titled "The Dynamics of Direct Investment Abroad (DIA) for Malaysia," delves into the intricate nature of Malaysia's Direct Investment Abroad (DIA) focusing on historical evolution, current status as well as discussing challenges, opportunities and impacts on the Malaysia's economy.

Assessing the current state of the global economy, World Economic Outlook Update for January 2024, International Monetary Fund anticipates a global growth rate of 3.1 per cent in 2024, with a marginal increase to 3.2 per cent in 2025. Advanced economies are anticipated to grow modestly from 1.6 per cent in 2023 to 1.5 per cent in 2024, followed by 1.8 per cent in 2025. Meanwhile, emerging market and developing economies are projected to grow by 4.1 per cent in 2024 and increase further to 4.2 per cent in 2025.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "In the last quarter of 2023, Malaysia's economy expanded by 3.0 per cent, marking a slightly slower pace as compared to the 3.3 per cent growth seen in the preceding quarter. However, quarter on quarter seasonally adjusted GDP showed a contraction of 2.1 per cent, as compared to 2.6 per cent in the third quarter of 2023. Monthly economic performance demonstrated growth of 3.9 per cent in October 2023 and 3.8 per cent in November, before slower to 1.4 per cent in December 2023. Throughout this period, the Services sector remained as the impetus for the supply-side performance, with all sectors, except Manufacturing, registering positive growth."

Turning to the balance of payments performance, Malaysia's Current Account Balance in the fourth quarter of 2023 stood at RM253.4 million, a significant narrowing from RM27.5 billion in the corresponding quarter of the previous year. The lower surplus was primarily attributed to a higher deficit in the Primary income account. Furthermore, Foreign Direct Investment (FDI) experienced a lower net inflow, totalling RM17.1 billion in the fourth quarter of 2023 as compared to RM19.2 billion in the preceding year. Conversely, Direct Investment Abroad (DIA) saw a lower net outflow of RM12.4 billion in Q4 2023, down from RM28.5 billion in Q4 2022.

Concerning the external sector, Malaysia's merchandise trade sustained a negative trend in the fourth quarter of 2023, contracting by 3.2 per cent to RM695.6 billion compared to RM718.3 billion in Q4 2022. This decline stemmed from a 6.9 per cent decrease in exports, totalling RM366.3 billion, however outweighed by a 1.3 per cent increase in imports, amounting to RM329.3 billion. Consequently, the trade surplus narrowed to RM36.9 billion, marking a 45.9 per cent decrease compared to the same period last year. However, in January 2024, total trade exhibited a double-digit growth of 13.3 per cent, rising from RM207.2 billion in January 2023 to RM234.7 billion. Exports increased by 8.7 per cent to RM122.4 billion, while imports surged even more rapidly by 18.8 per cent to RM112.3 billion, resulting in a significant 44.2 per cent contraction in the trade surplus from the previous year to RM10.1 billion.

In view of the performance of Malaysia's Industrial Production Index (IPI) in December 2023, IPI experienced a marginal year-on-year decline of 0.1 per cent, following a previous month's positive growth of 0.6 per cent. The decrease was primarily attributed to a contraction in the Manufacturing sector, which saw a decline of 1.4 per cent compared to negative 0.1 per cent in November 2023. However, for the fourth quarter of 2023, the IPI showed an improvement with a year-on-year increase of 1.0 per cent, contrasting with the negative 0.05 per cent recorded in the third quarter of 2023. In terms of sales value, the Manufacturing sector witnessed a year-on-year decline in sales value in December 2023 dropping by 4.2 per cent to RM149.9 billion, following a 2.6 per cent decrease in the previous month. This decline was primarily influenced by the continued downturn in the Petroleum, chemical, rubber & plastic products sub-sector, which recorded a negative 13.6 per cent in December 2023 (November 2023: -10.8%). Throughout the fourth quarter of 2023, the total sales value consistently decelerated for three consecutive quarters, declining by 2.7 per cent year-on-year to reach RM461.5 billion (Q3 2023: -2.9%).

Examining Malaysia's Services sector, there was a notable growth in the fourth quarter of 2023, as revenues surged to RM591.4 billion, reflecting a 6.6 per cent year-on-year increase. Additionally, the Services Volume Index showed improvement, rising by

4.1 per cent to 148.5 points. These positive trends were largely driven by robust performance in segments such as Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage, and Accommodation, which collectively experienced a 5.9 per cent revenue increase, totalling RM450.9 billion. Meanwhile the Volume Index for this segment recorded a 4.2 per cent rise, reaching 150.2 points.

Looking at the prices, Malaysia's inflation rate held steady at 1.5 per cent in December 2023, with the index reaching 131.2 points as against 129.2 in the previous year. This stability was mainly contributed by a moderate increase in Restaurants & Hotels which rose 3.7 per cent in December 2023 as compared to 4.3 per cent in November 2023. The fourth quarter of 2023 saw an ease of inflation to 1.6 per cent from 3.9 per cent in the same period of 2022. Moving towards January 2024, the inflation rate remained unchanged at 1.5 per cent, with the index recorded at 131.4 compared to 129.5 in the previous year. The annual Producer Price Index (PPI) maintained its declining trend, standing at negative 1.3 per cent in December 2023, slightly improved from negative 1.5 per cent in November 2023. This decrease was primarily influenced by a downturn in the Mining sector, which contracted by 3.4 per cent (November 2023: -4.7%), with additional declines observed in the Manufacturing and Electricity & gas supply sectors. Furthermore, the downward trend persisted in January 2024, with the PPI recording a negative 0.6 per cent.

Malaysia's labour landscape witnessed an improvement with unemployment rate stood at of 3.3 per cent, or 0.3 percentage points lower in the fourth quarter of 2023, compared to the same period last year (Q4 2022: 3.6%). The number of unemployed individuals decreased by 5.9 per cent during the quarter. This reduction was propelled by sustained employment growth, which increased by 2.5 per cent year-on-year, while the labour force rose by 2.2 per cent year-on-year, reaching 16.91 million persons, maintaining a robust labour force participation rate of 70.1 per cent.

In his concluding remarks, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said "The Leading Index displayed a positive turnaround, experiencing a 0.3 per cent growth to reach 110.1 points in December 2023, compared to 109.8 points in the corresponding month of the previous year. This notable rebound marked the first instance of positive growth following nine consecutive months of decline, largely propelled by a significant surge of 41.5 per cent in the Number of Housing Units Approved. Although still below the trend of 100.0 points, the smoothed growth rate of the Leading Index for December 2023 indicates anticipation of improved economic performance in the foreseeable future, supported by resilient domestic demand and stable labour market."

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*

*The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:*

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.


*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
29<sup>TH</sup> FEBRUARY 2024**

**Table 1: GDP Growth Rate of Selected Countries, Year-on-Year (%), 2022-2023**

Country	2021	2022	2022		2023			
			Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	
<b>Malaysia</b>	<b>8.7</b>	<b>3.7</b>	<b>7.1</b>	<b>5.6</b>	<b>2.9</b>	<b>3.3</b>	<b>3.0</b>	
Spain	5.8	2.5	3.8	4.1	2.0	1.9	2.0	
United Kingdom	4.3	0.1	0.6	0.3	0.3	0.2	-0.2	
United States	1.9	2.5	0.7	1.7	2.4	2.9	3.1	
Japan	1.0	1.9	0.5	2.6	2.3	1.7	1.0	
South Korea	2.6	1.4	1.4	0.9	0.9	1.4	2.2	
Hong Kong	-3.5	3.2	-4.1	2.9	1.5	4.1	4.3	
Taiwan	2.6	1.4	-0.7	-3.5	1.4	2.3	5.1	
Singapore	3.8	1.1	2.4	0.5	0.5	1.0	2.2	
China	3.0	5.2	2.9	4.5	6.3	4.9	5.2	
Thailand	2.5	1.9	1.4	2.6	1.8	1.4	1.7	
Philippines	7.6	5.6	7.1	6.4	4.3	6.0	5.6	
Indonesia	5.3	5.1	5.0	5.0	5.2	4.9	5.0	
Vietnam	8.0	5.1	5.9	3.4	4.3	5.5	6.7	

**Chart 1: Leading Index (2015=100) and Business Cycle (Grey Shaded Areas), January 1991 to December 2023**




Source: Department of Statistics, Malaysia

### Exhibit 1: Quarterly Economic Indicator


#### Gross Domestic Product (GDP)

**3.0%**  
Q4 2023




#### Unemployment Rate

**3.3%**  
Q4 2023



#### Production of Fresh Fruit Bunches

**1.7%**  
Q4 2023




#### Production of Natural Rubber

**3.9%**  
Q4 2023




#### Industrial Production Index (IPI)

**1.0%**  
Q4 2023



#### Sales Value of Manufacturing Sector

**-2.7%**  
Q4 2023




#### Notes:

- 1) Unemployment rate is the proportion of unemployed population to the total population in labour force, expressed in percentage.
- 2) The remaining indicators are expressed in year-on-year percentage change


## Index of Services (IoS)

**4.1%**  
Q4 2023




## Volume Index of Wholesale & Retail Trade

**4.2%**  
Q4 2023




## Exports

**-6.9%**  
Q4 2023




## Imports

**1.3%**  
Q4 2023



## Consumer Price Index (CPI)

**1.6%**  
Q4 2023



## Producer Price Index (PPI) Local Production

**-1.0%**  
Q4 2023

